



Kedah
Malaysia
where it/all began

كردان نكران قديح نكران الالابان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910
04-774 4643/ 04-733 8717
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Rujukan Kami : PPNK.BN-1/9/4(12)
Tarikh : 05 Mei 2019

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL (12) / 2019
GARIS PANDUAN PEMBAYARAN BAGI INVOIS YANG MELEBIHI JUMLAH PESANAN
TEMPATAN / INDEN KERJA ASAL**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, sistem iSPEKS yang sedang digunapakai oleh Kerajaan Negeri kini tidak lagi boleh mengunci masuk nota debit di arahan bayaran.
3. Oleh yang demikian, mohon perhatian Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan agar mengeluarkan pesanan tempatan / inden kerja baru bagi membolehkan rekod tersebut wujud untuk menyediakan arahan bayaran dan membatalkan pesanan tempatan / inden kerja yang terdahulu. Pesanan tempatan / inden kerja yang dibatalkan tersebut hanyalah dibatalkan di dalam sistem iSPEKS sahaja dan dokumen asal tidak boleh dibatalkan.
4. Namun demikian, haruslah dipastikan bahawa maklumat yang perlu dikunci masuk di perihal pesanan tempatan / inden kerja baru adalah sama seperti perihal di pesanan tempatan / inden kerja yang lama beserta nombor rekod yang lama dan justifikasi perbezaan jumlah invois dengan pesanan tempatan / inden kerja.

5. Pesanan tempatan / inden kerja yang haruslah diperakukan sepertimana pesanan tempatan / inden kerja yang dikeluarkan buat kali pertama dan dikepilkan bersama pesanan tempatan / inden kerja yang asal. Sekiranya terimaan barang telah dibuat, terimaan barang tersebut juga perlu dibatalkan.

6. Seterusnya, dengan adanya surat Arahan Operasi ini, segala kaedah yang telah dimaklumkan di mana-mana mesyuarat atau secara lisan akan **TERBATAL**.

Kerjasama dan perhatian daripada Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam memastikan pematuhan kepada Arahan Operasi ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZHATUN BINTI MD. REJAB, AMK., (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.